



LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA

KENYATAAN TAWARAN

1. Tawaran daripada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar di **Daerah Yan** sahaja yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia [LPIPM(CIDB)] dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan akan diterima di **Pejabat Pengurus Wilayah IV, 06800 Kota Sarang Semut, Kedah Darul Aman** pada **15 April 2025** sehingga jam 12:00 tengahari.

BUTIRAN SEBUTHARGA	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
PEMBAIKAN STRUKTUR SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI BLOK PENGAIRAN SCRBD 7a, PPK F-IV SUNGAI LIMAU DALAM, WILAYAH IV, MADA. SEBUTHARGA NO. MADA(SH)/BPPP/P/ 6/2025	8 April 2025 (Selasa) Jam 10.00 pagi Pendaftaran : Jam 9.00 pagi hingga 9.45 pagi Berkumpul di Pertubuhan Peladang Kawasan MADA F-IV Sungai Limau Dalam, 06910, Yan Kedah. Lawatan Tapak adalah WAJIB kepada pemilik sahaja dengan membawa bersama sijil/lesen ASAL untuk diperiksa sebelum taklimat lawatan tapak.	Gred G1 Kategori CE Pengkhususan CE06, CE21 dan CE36 (Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan)	RM 10 (Satu Set) Bayaran tidak dikembalikan	15 April 2025 (Selasa) Jam 12.00 Tengahari

2. Semua butiran dan Dokumen Tawaran boleh diperolehi di **Pejabat Pengurus Wilayah IV, 06800 Kota Sarang Semut, Kedah Darul Aman** mulai **8 April 2025 (Selasa)** sehingga **15 April 2025 (Selasa)** sehingga jam 12.00 tengahari pada waktu dan hari bekerja.
3. Kontraktor yang ingin membeli Dokumen Tawaran dikehendaki mengemukakan **Sijil Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** serta **Sijil Taraf Bumiputera** untuk pemeriksaan dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut diserahkan kepada pihak MADA sebagai rekod.
4. Dokumen Tawaran juga boleh dibeli oleh wakil kontraktor yang membawa **Surat Wakil Kuasa** serta dokumen-dokumen yang disebutkan dalam Perkara 3.

5. Bayaran untuk membeli Dokumen Tawaran boleh dibuat dengan kaedah seperti berikut:
- a. Pembayaran secara tunai ; ATAU
 - b. Pembayaran atas talian

Pembayaran melalui cek tidak akan diterima

6. Dokumen Tawaran Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermetri serta ditulis nombor sebutharga dan memasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Pejabat Pengurus Wilayah IV, 06800 Kota Sarang Semut, Kedah Darul Aman**. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
7. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

Tarikh : 20/3/2025

Tandatangan : 
Nama : **N. MOHD FARIZAN BIN MOHD YUSOF**
Jawatan : Pengarah
Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan Projek
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda
(MADA)